

**MINIT MESYUARAT**  
**MBJ BIL. 1 TAHUN 2016**

Tarikh : 23 Mac 2016 (Rabu)  
Masa : 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang  
Tempat : Bilik Seminar 1, Aras 1  
Menara MITI  
Pengerusi : YBhg. Datuk J. Jayasiri

Senarai Kehadiran : Seperti di Lampiran I

<b><u>BIL.</u></b>	<b><u>ISU-ISU/PERKARA</u></b>	<b><u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u></b>
<b>1</b>	<b><u>PERUTUSAN Pengerusi</u></b>	
<b>1.1</b>	<p>Pengerusi mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran ahli-ahli mesyuarat. Pengerusi mengucapkan tahniah kerana telah mencapai sasaran Mesyuarat MBJ sebanyak 4 kali pada tahun 2015.</p> <p>Tujuan mesyuarat ini adalah untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan, pentadbiran dan perjalanan organisasi dengan menitikberatkan kepentingan-kepentingan pekerja-pekerja MITI; dan</li><li>- menjalin kerjasama yang erat di antara pihak pegawai dan pihak pekerja di MITI dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja berkenaan.</li></ul>	
<b>2</b>	<b><u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</u></b>	
<b>2.1</b>	<p>Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 4 Tahun 2015 yang diadakan pada 6 November 2015 telah disahkan tanpa pindaan.</p>	<b>Makluman</b>
<b>3</b>	<b><u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u></b>	
<b>3.1</b>	<b><u>Memohon Naik Taraf Pemberian Broadband Dari 1GB Ke Unlimited</u></b>	

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
3.1.1	<p>Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) memaklumkan bahawa dalam mesyuarat yang lalu YBhg. KSU meminta supaya perkara ini dibawa untuk pertimbangan JPICT. BPM telah menetapkan mesyuarat JPICT akan diadakan pada 31 Mac 2016.</p> <p>Dalam mesyuarat yang lepas permohonan naik taraf broadband ini melibatkan MITI Wilayah Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak sahaja. Kini, MITI Wilayah Pahang juga memohon supaya diberikan kemudahan yang sama. Pengerusi meminta supaya permohonan ini turut dimasukkan dalam Mesyuarat JPICT dan MITI Wilayah Pahang diminta mengemukakan data penggunaan broadband bagi menyokong permohonan naik taraf broadband MITI Wilayah Pahang.</p>	BPM/ MITI Wilayah Pahang
3.1.2	<p><u>Taklimat/ Ceramah Mengenai Skim Bayaran Pampasan (Ex-Gratia)</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Taklimat Pencen dan Skim Bayaran Pampasan (Ex-Gratia) pada 7 Mac 2016. Taklimat diberikan oleh pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.</p>	Makluman
3.1.3	<p><u>Penyediaan Butang Kecemasan (<i>Panic Button</i>) di Ruang Parkir Kereta Bangunan Baharu MITI</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa ruang parkir telah dilengkapi dengan CCTV berjumlah 60 unit (LG1) dan 59 unit (LG2). Pemasangan Sistem Butang Kecemasan (<i>panic button</i>) ditangguhkan kerana ia melibatkan kos yang tinggi.</p> <p>Pengerusi meminta dibuat kajian samada CCTV yang disediakan berfungsi dengan baik dan terdapat pegawai yang bertugas di Bilik Kawalan.</p>	Makluman
3.1.4	<p><u>Memohon Bilik Kedua Pemandu di Bangunan Baharu MITI</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada masa ini tiada lagi bilik yang sesuai untuk dijadikan Bilik Pemandu di Aras Satu memandangkan bilik yang dipohon telah</p>	Makluman

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>dijadikan Bilik Rawatan.</p> <p>Pengerusi memaklumkan kedudukan Bilik Pemandu di Aras LG1 adalah tidak begitu menyihatkan dan menghadapi masalah penerimaan isyarat (<i>signal</i>) telefon. Pengerusi mencadangkan supaya pemandu diberi pilihan untuk berkongsi menggunakan bilik rawatan tersebut.</p>	
3.1.5	<p><u>Memohon Barang Keperluan dan Kelengkapan Dalam Bilik Pemandu di Bangunan Baharu</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa <i>Water dispenser</i> dan <i>locker</i> peribadi telah dibekalkan. Bagi menampung kekurangan <i>plug point</i>, 2 unit <i>extension wire</i> telah dibekalkan untuk kegunaan Bilik Pemandu di Aras LG1.</p> <p>Penyediaan ampaian di tempat basuh kereta di Aras LG1 juga telah sediakan.</p> <p>Bekalan TV (Astro) di Bilik Pemandu tidak dipertimbangkan kerana waktu <i>stand-by</i> pemandu sepatutnya digunakan untuk berehat bagi memastikan pemandu dapat bertugas dengan lebih fokus dan selamat.</p>	Makluman
3.1.6	<p><u>Memohon Parking Berbumbung untuk Bas dan Coaster</u></p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa pembinaan parkir berbumbung bas dan <i>coaster</i> ditangguhkan kerana kos pembinaannya adalah tinggi. Bahagian Pentadbiran telah mendapatkan anggaran kos pembinaan berjumlah RM47,000.00</p>	Makluman
3.1.7	<p><u>Program Pengukuhan Diri Kumpulan 48/ 52 bagi Rebranding Mentor/ Mentee</u></p> <p>Program <i>self-esteem building and reinforcement</i> dicadangkan untuk dilaksanakan kepada pegawai Gred 48/52 untuk lebih berkeyakinan tinggi dalam mengurus tadbir pegawai atau kakitangan di bawah seliaan mereka.</p> <p>Kursus ini dijangka akan dilaksanakan dengan</p>	Makluman

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>kerjasama Unit Pengurusan Psikologi dan Bahagian Pengurusan Psikologi JPA.</p> <p>Perbincangan sedang dijalankan dengan pihak JPA bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai pengisian program dan kesesuaian tarikh bagi tujuan program tersebut.</p> <p>BPSM memaklumkan bahawa <i>Program Coaching Skills for Leaders</i> telah dilaksanakan pada 22 dan 23 Mac 2016. Manakala Kursus Pengurusan Stress telah dilaksanakan pada 22 dan 23 Februari 2016.</p>	
3.1.8	<p><u>Sesi Town Hall &amp; Networking KSU/ TKSU Bersama Kumpulan Sokongan</u></p> <p>BPSM memaklumkan mesyuarat bahawa Sesi <i>Town Hall &amp; Networking</i> kepada Kumpulan Sokongan dicadangkan dilaksanakan bersekali dengan Bulan Kecemerlangan Kumpulan Sokongan yang dicadangkan diadakan pada 12 Mei 2016. Tarikh ini telah dipersetujui oleh YB. Menteri.</p>	Makluman
3.1.9	<p><u>Cadangan Penyediaan Gelanggang Futsal di Bangunan Baharu MITI</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pembinaan gelanggang futsal di kawasan kafeteria MITI adalah tidak sesuai.</p> <p>Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa terdapat cadangan untuk menempatkan gelanggang futsal di bumbung Aras Podium 3. Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PJH) memaklumkan bahawa gelanggang futsal boleh dibina di atas bumbung Aras Podium 3. Walau bagaimanapun, pihak MITI perlu memastikan tiada berlaku perubahan struktur bangunan atau kebocoran bumbung semasa pembinaan.</p> <p>Pengerusi meminta supaya dikaji kos yang diperlukan untuk pembinaan gelanggang futsal tersebut dan kemungkinan mendapatkan pembiayaan daripada sumber kewangan MITI dan sumbangan daripada pegawai-pegawai. Mesyuarat mencadangkan agar gelanggang futsal ini disewakan bagi mendapatkan sumber kewangan.</p>	Makluman

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
3.1.10	<p><b><u>Waran Perjawatan Bahagian (Jawatan Fleksi 27/32) bagi Kenaikan Pangkat Pegawai</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa berdasarkan maklum balas JPA, kaedah kenaikan pangkat bagi jawatan Penolong Pegawai Tadbir dari Gred N27 ke Gred N32 adalah melalui kenaikan pangkat secara <i>Time-based</i> berasaskan kecemerlangan atau melalui kenaikan pangkat secara biasa.</p> <p>Kedua-dua kaedah menetapkan pegawai yang dinaikkan pangkat perlu mengisi jawatan gred kenaikan pangkat secara hakiki, iaitu pegawai dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir N32 perlu mengisi jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32.</p> <p>Penempatan pegawai adalah berdasarkan gred jawatan. Gred jawatan adalah berdasarkan kepada fungsi, bebanan tugas serta prinsip penentuan kadar upah untuk kerja.</p> <p>Sekiranya, penempatan pegawai ditempatkan secara tidak setara, ia akan melanggar prinsip di atas dan boleh menyebabkan ketidakharmonian.</p>	Makluman
4.	<b><u>PEMBENTANGAN USUL WAKIL PEKERJA</u></b>	
4.1	<b>Pembentangan Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 – Encik Mohd Reza Azman</b>	
4.1.1	<p><b><u>Penyediaan Sudut Rujukan Tesis Sarjana dan PhD di Pusat Sumber</u></b></p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/ 52 memohon BPSM mengenalpasti pegawai MITI yang baru pulang dari mengikuti pengajian Sarjana atau PhD di dalam atau luar negara dan dipanjangkan ke Bahagian Pengurusan Ilmu dan Maklumat Digital (PIMD). PIMD pula diminta untuk menyediakan sudut rujukan tesis Sarjana dan PhD bagi tujuan rujukan.</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa ini adalah cadangan yang baik dan mudah untuk dilaksanakan. Pegawai yang telah lama mengikuti pengajian Sarjana dan PhD dan Kumpulan Sokongan juga dialu-alukan untuk</p>	Makluman

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>memberi sumbangan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak PIMD menyokong sepenuhnya usaha untuk mendapatkan kertas kerja Thesis Sarjana dan PhD untuk ditempatkan di PIMD sebagai bahan dan sumber rujukan pegawai-pegawai lain yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dan PhD dalam bidang-bidang tertentu. Bahan-bahan ini akan direkod, didokumenkan/ dikatalog dan ditempatkan di rak dengan dilabelkan agar mudah dikesan dan diakses oleh warga MITI yang berminat untuk membuat rujukan dan penyelidikan. Sumber rujukan ini juga akan dimuatnaik/ disimpan dalam repositori <i>KM@MITI</i> yang menyimpan pelbagai sumber rujukan warga MITI dan Agensi dan boleh diakses melalui internet. Tajuk-tajuk thesis terkini yang diserahkan kepada PIMD akan dihebahkan kepada warga MITI melalui e-mel dari semasa ke semasa/ mengikut keperluan.</p>	
4.1.2	<p><u>Sudut Kanak-kanak di Pusat Sumber MITI</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/52 memohon PIMD menyediakan sudut kanak-kanak dengan kemudahan buku dan alat permainan pembelajaran bagi kanak-kanak berumur 10 tahun ke atas. Beliau memaklumkan ini memberi kemudahan kepada pegawai yang terpaksa menjaga anak-anak ketika ketiadaan penjaga atau musim cuti sekolah untuk membawa ke pejabat dan tidak mengganggu tugas operasi di pejabat. Beliau juga memaklumkan bahawa ini akan memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak tentang budaya cintakan buku dan mengembangkan penggunaan PIMD.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa secara prinsipnya PIMD menyokong cadangan untuk menyediakan bahan bacaan kanak-kanak melalui Perkhidmatan Pinjaman Buku Berkelompok, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).</p> <p>Walaupun bagaimanapun, pihak PIMD memaklumkan bahawa sudut kanak-kanak kurang sesuai untuk diwujudkan atas faktor kos, kawalan, keselamatan, persekitaran dan seliaan.</p>	PIMD

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>Walau bagaimanapun, sekiranya usul ini diterima, PIMD mencadangkan agar MBJ/ PUSPANITA/ AKRAB/ Kelab MITI terlibat sepenuhnya dalam pelaksanaan sebarang aktiviti untuk anak-anak yang ditinggalkan.</p> <p>PIMD juga memaklumkan bahawa peraturan dan garis panduan akan disediakan bagi ibu bapa/ anak-anak yang terlibat. PIMD menegaskan ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya atas keselamatan anak-anak yang ditinggalkan.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Takwim Sekolah iaitu penggal persekolahan berserta jadual cuti penggal boleh dirujuk di laman web Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterbitkan setiap awal tahun. Selain itu cuti sekolah boleh dirujuk pada kalendar masing-masing. Oleh itu, penjagaan anak-anak semasa cuti sekolah boleh dirancang lebih awal.</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa polisi untuk membenarkan anak-anak dibawa ke PIMD boleh diputuskan oleh Kementerian. Namun Pengerusi menegaskan bahawa PIMD mempunyai tugas hakiki dan tanggungjawab sendiri dan ibu bapa tidak boleh meninggalkan anak-anak mereka di PIMD kerana PIMD bukan <i>nursery</i>. Pengerusi meminta perkara ini dibincang semula dengan pihak PIMD.</p>	
4.1.3	<p><u>Waktu Penjualan makanan dan variasi makanan yang dijual di kafeteria</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat rungutan daripada pegawai-pegawai berhubung waktu penjualan makanan dan variasi makanan yang dijual di Kafeteria MITI seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada waktu pagi (<i>breakfast</i>) hanya terdapat tiga gerai dibuka</li> <li>- Pada waktu tengahari (<i>lunch</i>), semua gerai dibuka tetapi makanan yang dijual adalah serupa setiap hari. Terdapat gerai yang tidak dibuka jika ada apa-apa majlis di MITI.</li> </ul> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Kelab MITI dari</p>	Makluman

<b><u>BIL.</u></b>	<b><u>ISU-ISU/PERKARA</u></b>	<b><u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u></b>
	<p>semasa ke semasa mengadakan pemantauan dan perbincangan berterusan dengan pengusaha kantin bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan yang diberi. Kelab MITI juga akan memastikan pengusaha mematuhi terma-terma di dalam perjanjian yang ditandatangani.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Kelab MITI akan mengambil tindakan menukar pengusaha kafeteria yang tidak mematuhi terma-terma perjanjian.</p>	
4.2	Pembentangan Wakil Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir – Encik Zulhisham Mustapa	Tadbir – Encik
4.2.1	<p><u>Memohon supaya ditambah lagi ruang-ruang booth peniaga di kafeteria dengan pelbagai menu supaya ada persaingan dan harga tidak ditentukan sesuka hati tanpa meletakkan tanda harga</u></p> <p>Wakil Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) memohon supaya ditambah ruang perniagaan dengan mempelbagaikan menu kerana pada masa ini menu yang dijual adalah sama setiap hari. Harga makanan juga ditentukan sesuka hati kerana kurang persaingan.</p> <p>Pengerusi meminta supaya Kelab MITI memastikan setiap pengusaha kafeteria mempamerkan harga untuk setiap hidangan yang dijual bagi kemudahan pembeli.</p> <p>Di samping itu, bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan perkhidmatan, Kelab MITI telah menyediakan Peti Cadangan bagi mendapat maklum balas daripada warga MITI bagi tujuan penambahbaikan.</p>	Pentadbiran/ Kelab MITI
4.2.2	<p><u>Meningkatkan liputan rangkaian (network) telefon serta Wifi di Aras LG 2 dan menaik taraf rangkaian di ruang pejabat dan lif</u></p> <p>Wakil Kumpulan PPT menyatakan bahawa rangkaian telefon dan Wifi di Aras LG 2 agak kurang memuaskan menyebabkan sukar untuk berhubung ketika berada di Aras LG 2 sekiranya berlaku kecemasan. Rangkaian perlu dinaik taraf di kawasan parkir, ruang pejabat dan lif.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Wifi telah disediakan</p>	Pentadbiran

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>di seluruh Bangunan MITI termasuk di Aras LG 1 dan LG 2 serta Bilik Pengawal Keselamatan dan Pemandu. Dimaklumkan juga bahawa Maxis sedang bekerjasama dengan kontraktor bagi tujuan <i>design</i> dan pemasangan sistem IBC bangunan baharu MITI. Maxis akan mendapatkan maklum balas dan perkembangan lanjut daripada kontraktor.</p>	
4.2.3	<p><u>Mengkaji semula kontrak sewaan mesin fotostat model Canon</u></p> <p>Wakil Kumpulan PPT memaklumkan bahawa perkhidmatan yang diberikan terlalu lambat seperti pembekalan toner yang mengambil masa sehingga 3 hingga 4 hari menyebabkan kerja-kerja mustahak terpaksa ditangguhkan dan meminta kontrak sewaan mesin fotostat dikaji semula.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa kelewatan penghantaran toner adalah kerana mulai tahun ini pihak Canon menggunakan perkhidmatan Courier dengan tempoh penghantaran maksima 3 hari bekerja. Bagi mengelakkan kelewatan atau terputus bekalan, pihak Canon mencadangkan supaya bahagian menempah toner tambahan setelah menerima stok toner yang baru.</p> <p>Manakala sebarang aduan seperti kerosakan mesin fotostat boleh disalurkan kepada Bahagian Pentadbiran untuk tindakan supaya aduan boleh dipantau tindakannya.</p>	Makluman
4.3	Pembentangan Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir – Cik Ena Fazleen Zainal Kan	
4.3.1	<p><u>Rondaan/ Pengawasan di ruang parkir terutamanya di Aras Bawah 2 serta pengaktifan pintu berpalang</u></p> <p>Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir (PT) memaklumkan bahawa ruang parkir Aras LG2 terbuka kepada pelawat dan palang tidak diaktifkan. Ini mengganggu keselamatan Warga MITI dan mengundang kecurian. Pelawat juga didapati boleh akses dan meletakkan kenderaan di Aras LG 1.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat sebanyak 60 CCTV di parkir Aras LG 1 dan 59 unit di parkir Aras LG</p>	Makluman

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	<p>2. Memandangkan bilangan Polis Bantuan dan Pegawai Keselamatan yang terhad, rondaan dilakukan secara berkala mengikut keperluan.</p> <p>Sementara itu, <i>boom gate</i> akan diaktifkan secara keseluruhan setelah beberapa masalah diatasi.</p>	
4.3.2	<p><u>Menggantikan pintu kayu kepada pintu kaca/Transparent/ bertingkap di ruang legar yang menuju ke kafeteria dan surau aras 3</u></p> <p>Wakil Kumpulan PT memaklumkan bahawa pintu kayu di Aras 3 dari ruang lif (Bahagian Integriti) menuju ke kafeteria dan surau mengakibatkan berlaku insiden pelanggaran, terhantuk dan terkejut semasa membuka pintu. Wakil Kumpulan PT memohon supaya pintu kayu sedia ada digantikan kepada pintu kaca/ bertingkap bagi mengelakkan insiden-insiden berkenaan berlaku.</p> <p>Pengerusi meminta supaya Bahagian Pentadbiran berbincang dengan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PJH) berhubung penggantian pintu kayu tersebut. Sebagai langkah sementara, Bahagian Pentadbiran diminta untuk meletakkan notis amaran/ sign board di pintu tersebut supaya pengguna laluan ini lebih berhati-hati.</p>	Pentadbiran/ PJH
4.4	Pembentangan Wakil Kumpulan Setiausaha Pejabat – Encik M. Saravanapavan a/l M. Manohara	
4.4.1	<p><u>Lokasi CSR – di bawah Persimpangan Bertingkat Jalan Sultan Haji Ahmad Shah</u></p> <p>Puan Sitti Amyrah Johari yang mewakili Wakil Kumpulan Setiausaha Pejabat yang tidak dapat hadir mesyuarat memaklumkan bahawa lokasi CSR di bawah persimpangan bertingkat mungkin tidak berapa sesuai dari segi keselamatan dan agak terdedah kepada laluan trafik yang sesak. Sehubungan itu pihak pekerja memohon MITI untuk mempertimbangkan tempat/ lokasi CSR yang baharu.</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa buat masa ini lokasi CSR sedia ada dikekalkan. Perubahan lokasi hanya</p>	Makluman

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
	akan dipertimbangkan semula setelah keadaan jalanraya di sekitar bangunan baharu MITI berkeadaan baik.	
4.4.3	<p><b><u>Kenaikan Pangkat Setiausaha Pejabat</u></b></p> <p>Puan Sitti Amyrah Johari yang mewakili Wakil Kumpulan Setiausaha Pejabat memaklumkan bahawa had tempoh kenaikan pangkat Setiausaha Pejabat mengambil proses yang lama. Pemansuhan PTK menyebabkan anjakan gaji tidak dapat dinikmati. Kenaikan gaji hanya bergantung kepada kelulusan peperiksaan dan kenaikan pangkat. Sehubungan itu Kumpulan Setiausaha Pejabat memohon agar MITI mencadangkan nama-nama Setiausaha Pejabat yang menunjukkan prestasi cemerlang dan memberi sumbangan serta memenuhi syarat kenaikan pangkat kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia (JPA) bagi tujuan sokongan kenaikan pangkat.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa urusan kenaikan pangkat adalah merupakan perkara dasar. Kenaikan pangkat Gred 17 dan ke atas perlu melalui proses yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat di JPA dan tertakluk kepada pengiklanan kekosongan jawatan kenaikan pangkat. Pihak Pengurusan MITI tidak boleh tanpa Iklan Urusan Pemangkuan/Kenaikan Pangkat dari JPA.</p>	Makluman
4.5	Pembentangan Wakil MITI Wilayah (Pahang) – Encik Noor Zainal Osman	
4.5.1	<p><b><u>Penyediaan Kad Pengenalan MITI kepada Pegawai dan Kakitangan di MITI Wilayah</u></b></p> <p>Wakil MITI Wilayah Pahang memohon pegawai dan kakitangan MITI Wilayah diberi kad pengenalan dan akses ke setiap tingkat di Menara MITI bagi tujuan pengenalan pegawai MITI Wilayah ketika berurusan di Ibu Pejabat dan urusan di agensi/ syarikat/ pengilang.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa kad pengenalan MITI akan disediakan kepada semua warga MITI termasuk MITI Wilayah. Namun begitu, kad akses hanya akan diberi kepada Pengarah MITI Wilayah kerana melibatkan isu keselamatan sekiranya berlaku kehilangan.</p>	Pentadbiran

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
4.6	Pembentangan Wakil OKU– Encik Khairul Azwan Wahab	
4.6.1	<p><u>Mengadakan Audit Akses Kemudahan OKU di Bangunan Baharu MITI</u></p> <p>Wakil OKU memohon supaya diadakan audit akses kemudahan OKU di Bangunan baharu MITI bagi memastikan kemudahan yang disediakan berfungsi dengan baik. Beliau memaklumkan mesyuarat sebagai contoh terdapat lif yang tidak menyebut aras ketika lif terbuka. Beliau juga memohon pihak pengurusan berhubung dengan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) bagi mendapatkan khidmat nasihat termasuk aspek teknikal bagi memastikan ketelusan semasa audit akses dijalankan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa bangunan MITI telah mematuhi keperluan syarat OKU bagi membolehkan MITI memperolehi Sijil Menduduki. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa sebagai tambahan pihak PMSB akan membuat laluan OKU dari Pintu Utama ke Kaunter Lobi sehingga ke lif Lobi dalam masa terdekat. Pengerusi memaklumkan bahawa perkara berkaitan lif akan dibincangkan dengan pihak PMSB.</p>	Pentadbiran
5.	HAL-HAL LAIN	
5.1	<p><u>Loceng Kecemasan (<i>Alarm</i>) di ruang tandas bagi kegunaan golongan OKU</u></p> <p>Wakil PPT mencadangkan supaya <i>alarm</i> OKU diletakkan di semua aras bangunan MITI.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada masa ini loceng kecemasan telah dipasang di Aras 25 dan butang kecemasan telah diberi kepada pegawai berkenaan.</p>	Makluman
5.2	<p><u>Permohonan Bilik Latihan Kumpulan Koir MITI</u></p> <p>Wakil OKU memaklumkan bahawa Kumpulan Koir MITI memerlukan bilik latihan dan memohon menggunakan piano semasa sesi latihan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa keperluan bilik latihan boleh dipertimbangkan. Pihak pengurusan akan mengenalpasti bilik yang sesuai.</p>	Makluman

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
5.3	<p><b><u>Penyertaan MITI Wilayah Dalam Sukan MITI</u></b></p> <p>Wakil MITI Wilayah Perak mencadangkan supaya warga MITI Wilayah dijemput untuk menyertai Sukan MITI.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Kelab MITI ada membuat jemputan kepada semua MITI Wilayah untuk menyertai Sukan MITI.</p>	Makluman
5.4	<p><b><u>Penyediaan Pondok Pengawal Keselamatan (Post guard)</u></b></p> <p>Wakil Pengawal Keselamatan memohon supaya Pondok Pengawal Keselamatan disediakan.</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa pihak pengurusan telah mengambil maklum perkara ini dan sedang diuruskan.</p>	Makluman
5.5	<p><b><u>Carian EZLinks</u></b></p> <p>Wakil MITI Wilayah Pulau Pinang memaklumkan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk membuat carian telefon pegawai-pegawai di MITI Ibu Pejabat. Beliau mencadangkan supaya carian direktori telefon dapat dipermudahkan iaitu dengan carian berdasarkan fungsi unit. Wakil BPM memaklumkan bahawa perkara ini akan dibuat semakan oleh BPM.</p>	Makluman
5.6	<p><b><u>Pengisian Jawatan Pegawai Gred 41/ 44 di MITI Johor</u></b></p> <p>Wakil MITI Johor memohon supaya kekosongan jawatan pegawai Pengurusan dan Profesional Gred 41/ 44 di MITI Wilayah Johor diisi. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pengisian jawatan tersebut dalam tindakan BPSM.</p>	BPSM
5.7	<p><b><u>Kenaikan Pangkat Jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat</u></b></p> <p>Wakil Kumpulan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa berlaku kelewatan kenaikan pangkat bagi kumpulan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan memohon agar BPSM membawa perkara ini kepada pihak JPA.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPSM telah membangkitkan perkara ini kepada JPA.</p>	Makluman

<u>BIL.</u>	<u>ISU-ISU/PERKARA</u>	<u>TINDAKAN/MAKLUMAN</u>
6.	<b>PENANGGUHAN MESYUARAT</b>	
6.1	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.50 petang dengan ucapan terima kasih dari YBhg. Datuk Pengerusi.	Makluman

Rujukan Fail : ( ) MITI.500-7/7/1

Tarikh : 28 Mac 2016

Persetujuan Minit : .....  
**Cheah Poh Fook**  
**(Setiausaha Pegawai)**

.....  
  
 .....  
**Encik Aliff Ridzuan Lee Abdullah**  
**(Setiausaha Pihak Pekerja)**

**Penyediaan Minit Mesyuarat oleh Urusetia**

Disediakan oleh : **Salwa Mohd Adas** - PPT

Disemak oleh : **Encik Cheah Poh Fook** - KPP

Disahkan oleh : **Encik Khiruddin Said** - PT

**SENARAI KEHADIRAN**

1. **YBhg. Tan Sri Dr. Rebecca Fatima Sta Maria  
Ketua Setiausaha MITI**
2. **YBhg. Datuk J Jayasiri - Pengerusi  
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik dan Pemantauan)**
3. **Encik Khiruddin Said  
Pengarah Pentadbiran**
4. **Puan Zabidah Safar  
Pengarah Kewangan**
5. **Puan Mahani Abdul Aziz  
Ketua Audit Dalam**
6. **Encik Shaiful Azli Mahamad  
Ketua Unit Integriti**
7. **Encik Mohd Reza Azman  
Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48/52**
8. **Encik Aliff Ridzuan Lee Abdullah  
Wakil Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat**
9. **Puan Sitti Amyrah Johari  
Wakil Kumpulan Kader Gred Pegawai**
10. **Encik Zulhisham Mustapa  
Wakil Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir**
11. **Encik Muhammad Abd Ghani  
Wakil Kumpulan Pen Pegawai Teknologi Maklumat**
12. **Cik Ena Fazleen Zainal Kan  
Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir**
13. **YM Raja Zaiful Izwan Raja Rahim  
Wakil Kumpulan Pembantu Tadbir**
14. **Puan Zamawani Shari  
Wakil Kumpulan Kader Gred Sokongan**
15. **Encil Zainal Shariff  
Wakil Kumpulan Pelaksana Pembantu Operasi**
16. **Encik Syahrul Naim Yaacob  
Wakil Kumpulan Pelaksana Keselamatan**

17. **Encik Mohd Khairi Shabudin**  
**Wakil Kumpulan Pelaksana Pemandu**
18. **Encik Badrul Zainun Mohamed Bazin**  
**MITI Wilayah Perak**
19. **Puan Nor Aliza Ahmad Tajuddin**  
**MITI Wilayah Pulau Pinang**
20. **Encik Amin Anis**  
**MITI Wilayah Sarawak**
21. **Encik Gregory Hendry Michael**  
**MITI Wilayah Sabah**
22. **Encik Noor Zainal Osman**  
**MITI Wilayah Pahang**
23. **Encik Nordin Amat**  
**MITI Wilayah Johor**
24. **Encik Khairul Azwan Wahab**  
**Wakil OKU MITI**

#### **TURUT HADIR**

25. **Encik Rahamzan Hashim**  
**Ketua Penolong pengarah Kanan**  
**Bahagian Pengurusan Maklumat**
26. **Encik Asmawi Noor Saarani**  
**Ketua Penolong Pengarah**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**
27. **Puan Nurul Shuhairah Mukhtar**  
**Ketua Penolong Pengarah**  
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**
28. **Puan Mazmen Abdul Hamid**  
**Pegawai Khas KSU**

#### **URUS SETIA**

29. **Encik Cheah Poh Fook**  
**Bahagian Pentadbiran**
30. **Encik Muhamad Ihsan Muhammad Dimiyati**  
**Bahagian Pentadbiran**
31. **Puan Salwa Mohd Adas**  
**Bahagian Pentadbiran**

- 32. Cik Nur Ain Abd Wahab  
Bahagian Pentadbiran**

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

- 33. Puan Inthrani Shammugam  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Maklumat**
- 34. Puan Nor Haslynda Wan Rahim  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**
- 35. Puan Hajah Salimah Khadith  
Wakil Majlis Bersama Kementerian**
- 36. Encik Izarul Kayat  
Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41/ 44**
- 37. Encik M. Saravanapavan a/l M. Manohara  
Wakil Kumpulan Setiausaha Pejabat**

